



DOKUMEN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA: RE25-12-002-SH

**SEBUT HARGA BAGI PENYELENGGARAAN MINOR DAN MAJOR ALAT PENYAMAN UDARA
SECARA BERKALA SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN BAGI TEMPOH 2 TAHUN UNTUK
AKADEMI SAINS MALAYSIA**

SENARAI LAMPIRAN:

Lampiran 1	: LAMPIRAN Q
Lampiran 2	: SPESIFIKASI PERKHIDMATAN DAN TAWARAN HARGA
Lampiran 3	: SYARAT – SYARAT AM
Lampiran 4	: ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA
Lampiran 5	: RINGKASAN SEBUT HARGA
Lampiran 6	: BORANG SEBUT HARGA
Lampiran 7	: SURAT AKUAN PEMBIDA
Lampiran 8	: SURAT PERWAKILAN KUASA
Lampiran 9	: MAKLUMAT SYARIKAT
Lampiran 10	: SENARAI SEMAKAN SEBUT HARGA
Lampiran 11	: PEROLEHAN YANG TELAH DISEMPURNAKAN
Lampiran 12	: PEROLEHAN YANG SEDANG DILAKSANAKAN

LAMPIRAN Q**(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab sila nyatakan nombor ini:

RE25-12-002-SH

**SEBUT HARGA BAGI PENYELENGGARAAN MINOR DAN MAJOR ALAT PENYAMAN UDARA
SECARA BERKALA SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN BAGI TEMPOH 2 TAHUN UNTUK
AKADEMI SAINS MALAYSIA**

(Ruangan ini perlu diisi oleh penyebut harga) Kepada:	Pelawaan Sebut harga dikeluarkan oleh: Akademi Sains Malaysia Tingkat 20, Sayap Barat Menara MATRADE Jalan Sultan Haji Ahmad Shah Off Jalan Tuanku Abdul Halim 50480 Kuala Lumpur	
No. Telefon:		
No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan:		
Kod Bidang Pendaftaran yang relevan dengan perolehan ini: MOF – 220301	No. Telefon: Tarikh:	03-6203 0633 18 Disember 2025

Sebut harga hendaklah mengikut syarat-syarat di bawah:

- Dokumen sebut harga yang lengkap perlu dihantar dalam format PDF;
- Dokumen sebut harga hendaklah **diemel ke sebutharga@akademisains.gov.my** tidak lewat pada jam **12.30 tengahari** pada **6 Januari 2026**;
- Perkara/ subject pada emel perlu menyatakan nombor sebut harga '**Sebut Harga No.: RE25-12-002-SH**'.
- Emel salinan/ cc **TIDAK DIBENARKAN** bagi penghantaran dokumen sebut harga.
- Tempoh sah laku Sebut Harga hendaklah **90 hari selepas tarikh tutup**.

Tandatangan :

Nama Pegawai :

Jawatan :

Tarikh :


SEETHA RAMASAMY
 Chief Operating Officer

18 Disember 2025

SPESIFIKASI PERKHIDMATAN DAN TAWARAN HARGA**Arahan:**

1. Sebut harga ini adalah untuk mendapatkan perkhidmatan penyelenggaraan minor dan major alat penyaman udara secara berkala serta kerja-kerja berkaitan bagi tempoh 2 tahun untuk Akademi Sains Malaysia di lokasi-lokasi berikut:

Tingkat 14 & 20, Menara Matrade	&	902-4, Jalan Tun Ismail
Jalan Sultan Hj Ahmad Shah off		50480 Kuala Lumpur
Jalan Tuanku Abdul Halim		
50480 Kuala Lumpur		

2. Penyebut harga perlu mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan.
3. ASM akan memberikan jadual penyelenggaraan kepada syarikat terpilih. Syarikat terpilih perlu menyediakan Laporan Bergambar bagi setiap aktiviti penyelenggaraan iaitu sebelum, semasa dan selepas perkhidmatan dilaksanakan. Laporan hendaklah diperakui oleh ASM/ wakilnya yang bertanggungjawab sebelum permohonan bayaran dibuat.
4. Spesifikasi kerja-kerja penyelenggaraan minor dan major penyaman udara secara berkala serta kerja-kerja berkaitan di pejabat ASM adalah seperti berikut:
 - 4.1 Penyelenggaraan minor untuk unit Indoor dan Outdoor:
 - i. Pencucian biasa penapis udara (air filter)
 - ii. Pencucian biasa fin coil
 - iii. Pencucian biasa lapisan penutup (cover body)
 - iv. Pemeriksaan pendawaian elektrik
 - v. Pemeriksaan amp compressor
 - vi. Pemeriksaan tekanan gas
 - 4.2 Penyelenggaraan major:
 - i. Pencucian kimia penapis udara (*air filter*)
 - ii. Pencucian kimia fin coil
 - iii. Pencucian kimia lapisan penutup (*cover body*)
 - iv. Pemeriksaan pendawaian elektrik
 - v. Pemeriksaan *amp compressor*
 - vi. Pemeriksaan tekanan gas

UNTUK DIISI OLEH JABATAN			UNTUK DIISI OLEH PENYEBUT HARGA			
Jenis	Kuasa Kuda (Hp)	Unit (a)	Kadar Penyelenggaraan Minor		Kadar Penyelenggaraan Major	
			Kadar penyelenggaraan bagi seunit (b) (RM)	(a) X (b) X 8 kekerapan (RM)	Kadar penyelenggaraan bagi seunit (c) (RM)	(a) X (c) X 4 kekerapan (RM)
8 kali penyelenggaraan minor dan 4 kali penyelenggaraan major di ASM Matrade untuk tempoh 2 tahun						
Wall Mounted	1.0	12				
Wall Mounted	1.5	6				
Wall Mounted	2.0	3				
Ceiling Cassette		3				
Ceiling Cassette	3.0	2				
Ceiling Cassette	4.0	10				
Jumlah		36				
Jumlah Tawaran Harga (Tanpa SST)						
8 % SST						
Jumlah Keseluruhan Tawaran Harga						

UNTUK DIISI OLEH JABATAN			UNTUK DIISI OLEH PENYEBUT HARGA			
Jenis	Kuasa Kuda (Hp)	Unit (a)	Kadar Penyelenggaraan Minor		Kadar Penyelenggaraan Major	
			Kadar penyelenggaraan bagi seunit (b) (RM)	(a) X (b) X 20 kekerapan (RM)	Kadar penyelenggaraan bagi seunit (c) (RM)	(a) X (c) X 4 kekerapan (RM)
20 kali penyelenggaraan minor dan 4 kali penyelenggaraan major di ASM JTI untuk tempoh 2 tahun						
Wall Mounted	1.0	13				
Wall Mounted	1.5	7				
Wall Mounted	2.0	4				
Ceiling Cassette		5				
Wall Mounted	2.5	2				
Ceiling Cassette		6				
Ceiling Cassette	4.0	4				
Ceiling Cassette	5.0	2				
Jumlah		43				
Jumlah Tawaran Harga (Tanpa SST)						

UNTUK DIISI OLEH JABATAN			UNTUK DIISI OLEH PENYEBUT HARGA			
Jenis	Kuasa Kuda (Hp)	Unit (a)	Kadar Penyelenggaraan Minor		Kadar Penyelenggaraan Major	
			Kadar penyelenggaraan bagi seunit (b) (RM)	(a) X (b) X 20 kekerapan (RM)	Kadar penyelenggaraan bagi seunit (c) (RM)	(a) X (c) X 4 kekerapan (RM)
8 % SST						
Jumlah Keseluruhan Tawaran Harga						

PENGESAHAN SYARIKAT

Saya/ Kami dengan ini, mengesahkan bahawa tawaran harga yang dinyatakan di Lampiran 2 bagi Sebut Harga bagi Penyelenggaraan Minor dan Major Alat Penyaman Udara Secara Berkala serta Kerja-Kerja Berkaitan untuk Tempoh 2 Tahun untuk Akademi Sains Malaysia adalah benar.

Tandatangan:	Nama Syarikat:
Nama Penandatangan:	Alamat & Cop Syarikat:
Jawatan:	Tarikh:

SYARAT – SYARAT AM**MUSTAHAK**

Syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, yang mana yang berkaitan, melainkan syarat-syarat am itu ditolak atau diubah oleh syarikat.

1. Kelayakan Menyertai Sebut Harga

Sebut Harga adalah dipelawa kepada semua penyebut harga tempatan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)** di bawah kod bidang **220301** serta kod-kod bidang tersebut perlu sah laku sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup sebut harga.

Jika tempoh pendaftaran telah tamat atau hampir tamat, Penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada MoF yang menyatakan bahawa permohonan lanjutan/ pembaharuan tempoh pendaftaran telah dibuat.

2. Tawaran Harga

Harga yang ditawarkan hendaklah **harga bersih** dalam **Ringgit Malaysia (RM)** termasuk semua diskaun dan kos tambahan serta cukai SST yang berkaitan. Nilai SST hendaklah dinyatakan secara berasingan dalam Spesifikasi Perkhidmatan dan Tawaran Harga.

Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh kerja.

3. Penerimaan Sebut Harga

ASM berhak menerima ke semua atau sebahagian daripada spesifikasi/ skop bekalan/ perkhidmatan yang telah ditawarkan daripada mana-mana tawaran sebut harga.

4. Keadaan barang

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan termasuk aksesori dan telah mendapat sijil kelulusan daripada Suruhanjaya Tenaga (ST) dan diperakui Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim).

5. Pemeriksaan Tapak

Pembekal disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Pembekal mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

6. Persetujuan

ASM tidak terikat untuk bersetuju dengan mana-mana sebut harga yang terendah.

7. Pematuhan

Penyebut harga perlu mematuhi spesifikasi teknikal, segala arahan dan syarat-syarat di dalam Dokumen Sebut Harga. Kegagalan mengisi maklumat yang diperlukan serta melampirkan dokumen yang diperlukan akan menyebabkan tawaran harga ditolak dan tidak dipertimbangkan.

8. Peraturan Pelaksanaan Kerja

Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan ASM atau Wakilnya.

Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan di samping mematuhi kehendak di perenggan di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:

- i. Pengurusan Bangunan Matrade dan ASM
- ii. Suruhanjaya Tenaga
- iii. Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
- iv. Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
- v. Jabatan Bomba dan Penyelamat
- vi. Pihak Berkuasa Tempatan

9. Penolakan Bahan, Barang dan Mutu Hasil Kerja oleh ASM

- a. ASM atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Pembekal hendaklah, apabila diminta oleh ASM, memberi kepadanya baucar-baucar dan/ atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi spesifikasi.
- b. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Pembekal sendiri.
- c. Pembekal hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- d. Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada ASM secara bertulis.

10. Ringkasan Sebut Harga

- a. Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.

- b. Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurna.
- c. Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.
- d. Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum SST dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- e. Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

11. Percanggahan dan Kecukupan Dokumen Sebut Harga

- a. Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Pembekal hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak, tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan dan maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnyanya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- b. Jika Pembekal mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga, dia hendaklah merujuk kepada ASM untuk mendapatkan keputusan.

12. Pembayaran

Pembayaran akan dibuat selepas Pembekal melaksanakan setiap perkhidmatan dengan sempurna dan menyerahkan invois berserta dokumen lengkap bagi tujuan tuntutan bayaran.

13. Perakuan Sempurna Perkhidmatan

ASM/ wakilnya yang bertanggungjawab hendaklah memperakui Laporan Bergambar yang disediakan oleh Pembekal sebaik sahaja perkhidmatan dilaksanakan dengan sempurna dan memuaskan.

14. Pematuhan

Penyebut harga perlu mematuhi spesifikasi, segala arahan dan syarat-syarat di dalam Dokumen Sebut Harga. Kegagalan mengisi maklumat yang diperlukan serta melampirkan dokumen yang diperlukan akan menyebabkan tawaran harga ditolak dan tidak dipertimbangkan.

15. Pengiklanan

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga itu boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau saluran iklan lain tanpa kelulusan Pegawai Pengawal ASM terlebih dahulu.

16. Integrity Pact

Penyebut harga yang menghantar dokumen sebutharga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan projek. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Surat Akuan Pembida adalah seperti di **Lampiran 8** dan Surat Perwakilan Kuasa adalah seperti di **Lampiran 9**.

17. Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah

- a. Sebarang Perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu jenayah di bawah Akta Pencegah Rasuah 1997;
- b. Sekiranya mana-mana pihak menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota Pentadbiran Awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke Pejabat Pencegahan Rasuah atau Balai Polis berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997;
- c. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota Perkhidmatan Awam dan menyenaraihitamkan syarikat boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997; dan
- d. Mana-mana syarikat yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat dan tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota Perkhidmatan Awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**1. Hak AKADEMI SAINS MALAYSIA untuk Menerima / Menolak Sebut Harga**

- 1.1 ASM adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga.
- 1.2 **Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.**
- 1.3 Sila berikan sebut harga dengan perincian untuk perolehan perkhidmatan yang disenaraikan di **Lampiran 2**.
- 1.4 ASM akan mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada syarikat yang berjaya. SST perlu ditandatangani dan diserahkan kembali kepada ASM sebagai bukti penerimaan tawaran perkhidmatan.
- 1.5 ASM juga akan mengeluarkan Pesanan Tempatan kepada syarikat yang berjaya mendapat tawaran bagi perolehan ini.

2. Cara-Cara Melengkapkan Dokumen Sebut Harga**2.1 Penyediaan Sebut harga**

Penyebut harga adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan lengkap dan sepenuhnya:-

- a) Harga, tempoh perkhidmatan, tandatangan dan cop syarikat dalam Spesifikasi Perkhidmatan dan Tawaran Harga – **Lampiran 2**;
- b) Syarat-syarat Am dan Arahan kepada Penyebutharga – **Lampiran 3 & 4**;
- c) Ringkasan Sebut Harga – **Lampiran 5**
- d) Borang Sebut Harga – **Lampiran 6**
- e) Surat Akuan Pembida berserta Surat Perwakilan Syarikat – **Lampiran 7** dan **Lampiran 8**;
- f) Maklumat lengkap syarikat berserta Profil Syarikat – **Lampiran 9**;
- g) Melampirkan dokumen-dokumen penting yang diperlukan dan mestilah ditandakan dengan jelas pada Senarai Semak Sebut Harga – **Lampiran 10**; dan
- h) Pengalaman dalam perkhidmatan penyelenggaraan alat penyaman udara yang telah disempurnakan dan yang sedang dilaksanakan – **Lampiran 11** dan **Lampiran 12**.

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Penyebut harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut harga

- a) Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah diemel dalam format PDF ke alamat emel sebutharga@akademisains.gov.my pada tarikh dan masa yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga.
- b) Nombor sebut harga **RE25-12-002-SH** perlu diletakkan pada perkara/*subject* emel.
- c) Penghantaran emel salinan/ cc adalah **TIDAK DIBENARKAN** bagi serahan dokumen sebut harga ini.
- d) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan serta tidak mematuhi peraturan penyerahan dokumen sebut harga, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam dokumen tawaran sebut harga yang tidak jelas atau bercanggah, pihak penyebut harga boleh menghubungi ASM berkaitan untuk penjelasan lanjut.

3. Lokasi Penyelenggaraan

Syarikat hendaklah membuat kerja-kerja penyelenggaraan di pejabat ASM dalam tempoh yang ditetapkan di kedua-dua alamat berikut:

ASM MATRADE
Tingkat 14 dan 20
Sayap Barat, Menara Matrade
Jalan Sultan Hj Ahmad Shah
Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur

dan

ASM Jalan Tun Ismail
902-4, Jalan Tun Ismail
50480 Kuala Lumpur

4. Perbelanjaan Sebut Harga

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh penyebut harga sendiri.

5. Tempoh Sah Sebut Harga

Tawaran sebut harga ini sah selama sembilan puluh hari (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harga yang telah ditawarkan sebelum tamat tempoh sah sebut harga. ASM tidak akan mempertimbangkan tawaran harga diubah.

6. Addenda

Addenda boleh diedarkan sebelum tarikh tutup sebut harga bagi menjelaskan Dokumen Sebut Harga atau pembetulan kepada mana-mana klausa sebagai pindaan dan ianya adalah merupakan sebahagian daripada Dokumen Sebut Harga tersebut. Kegagalan melampirkan Dokumen Sebut Harga bersama addenda boleh menyebabkan sebut harga ditolak.

PENGESAHAN SYARIKAT

Saya/ Kami mengaku telah membaca dan memahami keseluruhan perkara dalam Syarat-syarat Am (Lampiran 3) dan Arahan kepada Penyebut Harga (Lampiran 4) seperti yang dinyatakan.

Tandatangan:	Nama Syarikat:
Nama Penandatangan:	Alamat & Cop Syarikat:
Jawatan:	Tarikh:

LAMPIRAN 5

RINGKASAN SEBUT HARGA

Sebut Harga bagi Penyelenggaraan Minor dan Major Alat Penyaman Udara Secara Berkala serta Kerja-Kerja Berkaitan bagi tempoh 2 tahun untuk Akademi Sains Malaysia.

UNTUK DIISI OLEH JABATAN				KADAR (RM)			
Jenis	Kuasa Kuda (Hp)	Bil Unit ASM Matrade (a)	Bil Unit ASM JTI (a)	Kadar Penyelenggaraan Minor		Kadar Penyelenggaraan Major	
				ASM Matrade 8 kali penyelenggaraan	ASM JTI 20 kali penyelenggaraan	ASM Matrade 4 kali penyelenggaraan	ASM JTI 4 kali penyelenggaraan
Wall Mounted	1.0	12	13				
Wall Mounted	1.5	6	7				
Wall Mounted	2.0	3	4				
Ceiling Cassette		3	5				
Wall Mounted	2.5	-	2				
Ceiling Cassette		-	6				
Ceiling Cassette	3.0	2	-				
Ceiling Cassette	4.0	10	4				
Ceiling Cassette	5.0	-	2				
Jumlah		36	43				

MAKLUMAT TAMBAHAN

- Tawaran harga setiap dokumen di atas mestilah termasuk dengan kos penghantaran.

- Harga tawaran adalah tidak termasuk 8% Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).
- Syarikat mengenakan 8% SST (sila pilih YA/TIDAK)

Pengesahan:

Saya/ Kami dengan ini, mengesahkan bahawa tawaran harga yang dinyatakan bagi Sebut Harga bagi Penyelenggaraan Minor dan Major Alat Penyaman Udara Secara Berkala serta Kerja-Kerja Berkaitan bagi tempoh 2 tahun untuk Akademi Sains Malaysia adalah benar.

Tandatangan:	Nama Syarikat:
Nama Penandatangan:	Alamat & Cop Syarikat:
Jawatan:	Tarikh:

BORANG SEBUT HARGA

Sebut Harga **RE25-12-002-SH**

Akademi Sains Malaysia
Tingkat 20, Sayap Barat, Menara MATRADE
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur

Tuan/Puan,

**SEBUT HARGA BAGI PENYELENGGARAAN MINOR DAN MAJOR ALAT PENYAMAN UDARA
SECARA BERKALA SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN UNTUK AKADEMI SAINS MALAYSIA.**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga, Syarat-syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Perkhidmatan dan Tawaran Harga, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan harga untuk Sebut Harga bagi Penyelenggaraan Minor dan Major Alat Penyaman Udara Secara Berkala serta Kerja-Kerja Berkaitan untuk Akademi Sains Malaysia sejumlah Ringgit Malaysia (ditulis dalam perkataan)

.....(RM).....).

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini secara berkala dalam tempoh 24 bulan seperti yang diarahkan oleh ASM untuk:

- a. penyelenggaraan minor **8** kali di ASM Matrade dan **20** kali di ASM Jalan Tun Ismail;
- b. penyelenggaraan major **4** kali di ASM Matrade dan **4** kali di ASM Jalan Tun Ismail.

Bertarikh pada

Tandatangan dan Cop Syarikat Penyebut harga

Tandatangan Saksi

Nama:

Nama:

No. K/P:

No. K/P:

Alamat:

Alamat:

SURAT AKUAN PEMBIDA

Sebut Harga bagi Penyelenggaraan Minor dan Major Alat Penyaman Udara Secara Berkala serta Kerja-Kerja Berkaitan untuk Akademi Sains Malaysia.

Saya (Nama Wakil Syarikat),
nombor K.P , mewakili
(Nama Syarikat) dengan nombor pendaftaran
(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengistiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Akademi Sains Malaysia atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

1. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Akademi Sains Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil.
 - 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau.
 - 2.2 Penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
 - 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.
2. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis berhampiran.

Yang Benar,

Tandatangan :

Nama :

No. KP :

Cop Syarikat :

Tarikh :

- i) Potong mana yang tidak berkenaan
- ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa – Lampiran 8

SURAT PERWAKILAN KUASA**(Kepala Surat Syarikat)**

Tarikh:

Ketua Pegawai Eksekutif
AKADEMI SAINS MALAYSIA
Tingkat 20, Sayap Barat
Menara MATRADE
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur

Puan,

**SEBUT HARGA BAGI PENYELENGGARAAN MINOR DAN MAJOR ALAT PENYAMAN
UDARA SECARA BERKALA SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN UNTUK
AKADEMI SAINS MALAYSIA**

Syarikat kami,(Nama Syarikat),
Nombor Pendaftaran Syarikat, dengan ini mewakilkan
kuasa kepada(Nama Wakil Syarikat),
..... (nombor Kad Pengenalan), untuk menandatangani
segala dokumen-dokumen yang berkaitan dengan sebutharga ini bagi pihak syarikat.

Yang benar,

Tandatangan :

Pengarah Syarikat

Nama Pengarah :

Jawatan :

Cop Syarikat :

Tarikh :

MAKLUMAT SYARIKAT

Syarikat hendaklah melengkapkan butiran di bawah dan menyertakan profil syarikat.

Bil.	Butiran	Maklumat
1.	Nama Syarikat:	
2.	Alamat:	
3.	No. Telefon:	
4.	No. Faks:	
5.	E-mel:	
6.	Butiran Pendaftaran Syarikat a) Pendaftaran Syarikat:	
	b) Tarikh Ditubuhkan:	
7.	Butiran Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia a) No. Pendaftaran:	
	b) Tarikh Mula:	
	c) Tarikh Tamat:	
	d) Kod dan bidang:	
8.	Butiran Pendaftaran Syarikat dengan CIDB a) No. Pendaftaran:	

Bil.	Butiran	Maklumat
	b) Tarikh Mula:	
	c) Tarikh Tamat:	
	di) Kod dan bidang:	
9.	Modal Perniagaan	
	a) Dibenarkan:	
	b) Dibayar:	
10.	Komposisi Modal Dibayar	
	a) Bumiputera:	
	b) Bukan bumiputera:	
11.	Senaraikan pegawai/ kakitangan syarikat	
	a) Nama:	
	b) Jawatan:	
	c) Kelulusan:	
12.	Senarai nama syarikat cawangan dan anak syarikat	
13.	Maklumat Bank Syarikat	
	a) Nama:	
	b) No. Akaun:	
14.	Lain-lain maklumat bagi menyokong tawaran ini	

Penyebut harga boleh menyertakan lampiran tambahan sekiranya ruang sedia ada tidak mencukupi.

SENARAI SEMAKAN SEBUT HARGA

Sila tandakan v bagi dokumen-dokumen wajib yang disertakan.

BIL	PERKARA / DOKUMEN WAJIB	SEMAKAN SYARIKAT	SEMAKAN JAWATANKUASA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran dari Kementerian Kewangan (MOF)		
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)		
3.	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)		
DOKUMEN YANG TELAH LENGKAP DIISI BERSERTA DOKUMEN SOKONGAN			
4.	Spesifikasi Perkhidmatan dan Tawaran Harga – Lampiran 2		
5.	Arahan kepada Penyebut Harga - Lampiran 4		
6.	Ringkasan Sebut Harga (Kuantiti) – Lampiran 5		
7.	Borang Sebut Harga – Lampiran 6		
8.	Surat Akuan Pembida – Lampiran 7		
9.	Surat Perwakilan Kuasa – Lampiran 8		
10.	Maklumat Syarikat berserta Profil Syarikat – Lampiran 9		
11.	Salinan penyata bulanan akaun bank bagi tiga (3) Bulan terkini (September, Oktober, November 2025)		
12.	Senarai Semak Sebut Harga – Lampiran 10		

BIL	PERKARA / DOKUMEN WAJIB	SEMAKAN SYARIKAT	SEMAKAN JAWATANKUASA
13.	Salinan Surat Setuju Terima/ Inden/ Kontrak/ Sijil Perakuan Siap Kerja bagi perolehan yang telah disempurnakan – Lampiran 11		
14.	Salinan Surat Setuju Terima/ Inden/ Kontrak/ Sijil Perakuan Siap Kerja bagi perolehan yang sedang dilaksanakan – Lampiran 12		
15.	Penyerahan sebut harga berasingan (jika ada tawaran lain daripada penyebutharga)		
16.	Senarai kakitangan berserta resume/ portfolio/ sijil kemahiran kakitangan yang mampu melaksanakan perkhidmatan yang diperlukan oleh perolehan ini (jika berkaitan)		
17.	Dokumen-dokumen lain yang boleh menyokong tawaran sebut harga ini (jika berkaitan)		

Saya/ Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga ini dan semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan:

Nama Syarikat:

Nama Penandatangan:

Alamat & Cop Syarikat:

Jawatan:

Tarikh:

UNTUK KEGUNAAN ASM	
Jawantankuasa Pembuka Sebut Harga/ Penilaian Harga mengesahkan penerimaan dokumen-dokumen wajib yang bertanda di Lampiran 10 bagi penyebut harga bernombor kecuali bagi dokumen bil. berikut (jika tidak dilampirkan).	
Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:	Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:

Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:	Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:
--	--

SENARAI PEROLEHAN YANG TELAH DISEMPURNAKAN

Senaraikan perolehan berkaitan sebut harga ini yang telah disempurnakan berserta salinan Surat Setuju Terima (SST)/ Kontrak dan Salinan Sijil Perakuan Siap Kerja.

Nama Perolehan	Pelanggan (Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Syarikat)	Nilai Perolehan (RM)	Tempoh	
			Tarikh Mula	Tarikh Tamat

Penyebut harga boleh menyertakan lampiran tambahan sekiranya ruang sedia ada tidak mencukupi.

SENARAI PEROLEHAN YANG SEDANG DILAKSANAKAN

Senaraikan perolehan berkaitan yang sedang dilaksanakan berserta salinan Surat Setuju Terima (SST)/ Kontrak.

Nama Perolehan	Pelanggan (Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Syarikat)	Nilai Perolehan (RM)	Tempoh		Status
			Tarikh Mula	Tarikh Tamat	

Penyebut harga boleh menyertakan lampiran tambahan sekiranya ruang sedia ada tidak mencukupi.